



[Experts](#)

Jurang Kelestarian Antara Standard Global dan Realiti Masyarakat Malaysia

26 December 2025

Di Malaysia hari ini, kelestarian sering datang kepada kita dalam bentuk simbol yang kelihatan seragam dan global seperti tong kitar semula tiga warna yang tersusun di sudut bandar, kempen mengira jejak karbon individu, larangan plastik sekali guna, dan gaya hidup hijau yang dipasarkan sebagai trend moden. Semua ini hadir dengan niat yang baik, namun sering terasa asing dalam kehidupan seharian masyarakat tempatan. Ia seolah-olah sebuah pakaian yang dijahit mengikut ukuran tubuh orang lain walau cantik dipandang, tetapi tidak selesa dipakai. Dalam kehairahan mengejar standard global, kita jarang bertanya sama ada naratif kelestarian yang dibawa itu benar-benar mengakar dalam budaya, nilai dan realiti hidup masyarakat Malaysia.

Hakikatnya, masalah utama bukan terletak pada konsep kelestarian itu sendiri, tetapi pada cara ia diceritakan dan dilaksanakan. Apabila amalan hijau diperkenalkan sebagai satu set tugas baharu dengan mengasingkan sisa dengan betul, membeli produk mesra alam yang lebih mahal, atau menukar tabiat harian tanpa sokongan konteks namun mudah dilihat sebagai beban tambahan. Lebih-lebih lagi bagi golongan berpendapatan rendah, kelestarian boleh kelihatan seperti kemewahan kelas menengah bandar, bukannya keperluan bersama. Di sinilah rasa kepunyaan mula terhakis. Amalan yang sepatutnya menyatukan masyarakat akhirnya terasa seperti projek luar yang dipaksakan, bukan nilai yang lahir daripada identiti sendiri.

Lebih mendalam daripada itu, naratif kelestarian semasa sering berakar pada rasa bersalah yang abstrak seperti menyelamatkan bumi yang jauh dan tidak berwujud. Bagi banyak komuniti tempatan, mesej ini sukar dihayati berbanding nilai yang lebih dekat dengan kehidupan seperti menjaga kebersihan kampung, menjimatkan belanja dapur, memastikan anak-anak membesar dalam persekitaran yang sihat. Apabila penceritaan tidak menyentuh pengalaman harian, perubahan tingkah laku yang terhasil juga cenderung bersifat sementara. Kita patuh ketika kempen berlangsung, tetapi kembali ke tabiat lama apabila perhatian beralih.

Ironinya, dalam usaha mencari penyelesaian moden, kita sering mengabaikan kebijaksanaan tempatan yang telah lama wujud. Masyarakat Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, Orang Asli serta komuniti lain telah berabad-abad mengamalkan kehidupan yang harmoni dengan alam seperti mengambil sekadar perlu, menggunakan semula apa yang ada, dan menghormati sumber sebagai amanah bersama. Konsep berjimat cermat, pantang pembaziran makanan, penggunaan bahan semula jadi, dan gotong-royong menjaga persekitaran bukanlah idea baharu, tetapi nilai yang diwariskan turun-temurun. Apabila nilai ini diketepikan, kelestarian kehilangan jiwanya dan menjadi sekadar prosedur teknikal.

Punca utama jurang ini ialah kecenderungan untuk mengimport penyelesaian tanpa mengimport makna. Tong kitar semula hanyalah alat namun ia tidak secara automatik membina kesedaran atau mengubah sikap. Tanpa naratif budaya yang kuat, alat ini berdiri kosong bahkan ada secara fizikal, tetapi tidak hidup dalam kesedaran masyarakat. Akibatnya, penyertaan menjadi cetek dan bergantung sepenuhnya pada kempen berulang. Lebih membimbangkan, wujud penolakan senyap terhadap apa yang dilihat sebagai 'penjajahan ekologi' gaya Barat, yang seolah-olah menafikan sejarah panjang masyarakat tempatan dalam menjaga alam.

Maka, yang diperlukan ialah peralihan daripada pendekatan luaran kepada pembinaan naratif kelestarian yang tumbuh dari dalam. Kestarian perlu dipautkan kepada nilai yang sudah difahami

dan dihargai bahkan harga sumber kerana susah payah mencarinya, berjimat kerana itu ajaran orang tua-tua, bersyukur kerana alam memberi rezeki, dan menjaga kesihatan keluarga melalui persekitaran yang bersih. Apabila kelestarian diletakkan dalam kerangka ini, ia tidak lagi terasa asing, sebaliknya menjadi kesinambungan logik cara hidup.

Pendekatan ini juga menuntut kita mengangkat semula amalan tradisional dalam wajah yang moden dan bermaruah. Penggunaan bakul anyaman, pembungkus berasaskan daun, kain sebagai pembalut makanan, atau pengurusan sisa organik di peringkat komuniti bukan sekadar nostalgia budaya, tetapi penyelesaian praktikal yang relevan dengan konteks tempatan. Begitu juga ritual sosial seperti kenduri dan gotong-royong, yang boleh menjadi ruang semula jadi untuk mengamalkan kelestarian tanpa perlu slogan besar. Apabila nilai hijau disulam dalam bahasa peribahasa, adat dan keagamaan, mesejnya menjadi lebih dekat dan berakar.

Langkah seterusnya ialah menterjemahkan naratif ini ke dalam tindakan yang tersusun dan konsisten. Pendidikan perlu bercerita tentang kelestarian melalui kisah tempatan, bukan sekadar contoh luar negara. Usahawan sosial perlu digalakkan mencipta alternatif berasaskan bahan tempatan dan menjadikannya sumber kebanggaan komuniti. Pemimpin masyarakat dan agama pula mempunyai peranan penting untuk mengaitkan penjagaan alam dengan tanggungjawab moral sebagai khalifah dan penjaga amanah. Apabila semua ini bergerak seiring, kelestarian tidak lagi bergantung pada arahan, tetapi tumbuh melalui kesedaran bersama.

Akhirnya, kelestarian yang benar tidak boleh diimport sebagai pakej siap guna. Ia mesti ditanam, disiram dan dipelihara dalam tanah budaya sendiri. Apabila naratif berubah daripada 'kitar semula untuk menyelamatkan bumi' kepada 'menghargai sumber kerana itu maruah dan warisan kita', amalan hijau akan berhenti menjadi beban. Ia akan menjadi cara hidup yang diamalkan tanpa dipaksa, diwariskan tanpa disuruh, dan dipertahankan kerana ia sebahagian daripada siapa kita. Di situlah kelestarian benar-benar berakar dan masa depan Malaysia dibina dengan jiwa yang lestari, bukan sekadar imej hijau.



Oleh: Mohammad Baihaqi Hasni

E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 43 views

[View PDF](#)